

IQRA'



UNIVERSITI
TEKNOLOGI
MARA

Perpustakaan
Tun Abdul Razak

اقرأ

BULETIN PERPUSTAKAAN TUN ABDUL RAZAK



uitmlibrary



libraryuitm



libraryuitm



library.uitm.edu.my

World Of Compassion ·
WORLD #QuranHour
.... a beginning
24 RAMADAN 1442H / 6 MAY 2021

LIVE ^{HD} Tazkirah Ramadhan :
Andainya Ini Ramadhan Terakhir
UiTM Cawangan S. Alam **m/s 6**

LIVE ^{HD} Perlembagaan Persekutuan
Dan Rukun Negara **m/s 7**
UiTM Cawangan Shah Alam

LIVE ^{HD} Nasib Si Penyu
Di Pantai Ganu UiTM **m/s 13**
Cawangan Terengganu

Majlis Khatam Al-Quran dan
Bacaan Surah Al-Mulk UiTM **m/s 26**
Cawangan Sarawak

Sesi Chat Time PTAR 2021 bersama
Penolong Rektor UiTM **m/s 15**
Cawangan Negeri Sembilan



Pada 8 Mei 2021 (Sabtu), Perpustakaan Al-Bukhari telah mengadakan program Library Outreach bersama Students Indigenous People (SIP), UiTM Cawangan Pahang. Program ini adalah anjuran bersama di antara Unit Penyelidikan, Pembelajaran & Rujukan Perpustakaan Al-Bukhari, UiTM, Cawangan Pahang bersama Kelab Pelajar Orang Asli UiTM Cawangan Pahang.

Program ini dijalankan secara atas talian menggunakan medium aplikasi google meet dan taklimat disampaikan oleh Puan Nurfarahidah binti Badruesham, Pustakawan Kanan, Perpustakaan Al-Bukhari. Program ini adalah bertujuan memberi maklumat dan pendedahan perkhidmatan perpustakaan secara digital & meningkatkan keupayaan pencarian bahan pembelajaran bagi pelajar-pelajar.

Seramai 8 orang peserta telah menyertai Library Outreach ini yang mana telah menyokong SDG 17: Partnerships for the Goals.

